

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk Pembiayaan Peribadi-i Al-Yaseer (Kadar Terapung).

Pastikan anda juga membaca terma dan syarat bagi produk ini.



PEMBIAYAAN PERIBADI-i AL-YASEER

Tarikh: _____
(Untuk diisi oleh Staf Jualan/Cawangan)

1. Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?

Produk ini menawarkan kemudahan tunai bagi membantu Pelanggan menangani keperluan kewangan dengan menikmati penurunan dan kenaikan amaun ansuran pembiayaan berdasarkan kadar efektif yang kompetitif dengan amalan pengiraan kadar terapung yang tertakluk kepada kadar siling.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- Prinsip Syariah yang terpakai ialah kontrak Murabahah di bawah pengaturan konsep Tawarruq.
- Berlandaskan prinsip Syariah Murabahah (di bawah pengaturan konsep Tawarruq) yang mana berdasarkan wa'd daripada pihak pelanggan, CBP akan membeli komoditi daripada pihak pembekal komoditi dan seterusnya menjual komoditi kepada pelanggan berlandaskan kontrak Murabahah pada harga jualan (kos komoditi berserta keuntungan) secara tangguh dan kemudian, sebagai wakil / ejen pelanggan, CBP menjual komoditi tersebut kepada pembeli pihak ketiga pada harga yang bersamaan margin pembiayaan secara tunai. Kutipan tunai daripada pembeli pihak ketiga ini akan dimasukkan ke dalam akaun pengeluaran pembiayaan pelanggan.
- Jenis komoditi yang digunakan adalah komoditi (bukan ribawi) yang ditawarkan oleh mana-mana platform komoditi yang disahkan patuh Syariah oleh Penasihat Syariah platform komoditi dan CBP.

3. Apakah yang saya dapat dari produk ini?

- | | |
|----------------------------------|---------------|
| • Jumlah Harga Jualan | : RM _____ |
| • Jumlah Pembiayaan | : RM _____ |
| • Kadar Keuntungan Siling (KKS) | : 10% setahun |
| • Kadar Keuntungan Efektif (KKE) | : _____ % |
| • Tempoh Pembiayaan | : _____ tahun |

Kadar Keuntungan Siling (KKS)

Ditetapkan oleh CBP pada satu (1) kadar sahaja bagi pengiraan Harga Jualan pembiayaan.

Kadar Keuntungan Efektif (KKE)

- KKE adalah pada kadar semasa dan tidak melebihi KKS yang dikenakan dan dikira berdasarkan bulanan pada permulaan kontrak pembiayaan sebagai ketelusan.
- Jumlah Ansuran Bulanan adalah berdasarkan KKE semasa.
- Pengiraan KKE: Kos Dana Efektif (ECOF) Semasa (contoh: 4.00%) + Tebaran Margin Keuntungan (contoh: 3.60%)

*Nota: Konsep pengiraan pembiayaan berdasarkan pengiraan **Asas Baki Bulanan (Monthly Rest)**.

4. Apakah tanggungjawab kewangan saya dengan melanggan produk ini?

- Ansuran Bulanan Pembiayaan : RM _____
- Jumlah Bayaran Pembiayaan : RM _____

PENTING:

Bagi pembiayaan Kadar Terapung, ansuran bulanan pembiayaan dan jumlah bayaran pembiayaan boleh berubah sekiranya ECOF semasa berubah.

ILUSTRASI BAYARAN BULANAN UNTUK KEMUDAHAN KADAR TERAPUNG :


Contoh:

Amaun Pembiayaan RM 100,000

ECOF	Hari ini (ECOF= 4.00%)	Jika ECOF naik 1%	Jika ECOF turun 1%
Kadar Terapung	6.03%	7.03%	5.03%
Ansuran Bulanan Pembiayaan	1,112.00	1,163.00	1,063.00
Jumlah Keuntungan pada penghujung tahun ke 10	33,405.46	39,515.79	27,454.66
Jumlah Bayaran Pembiayaan pada penghujung tahun ke 10	133,405.46	139,515.79	127,454.66

5. Apakah Kos Dana Efektif (ECOF)?

- ECOF adalah kadar rujukan yang digunakan sebagai asas untuk menetapkan harga jualan pembiayaan ini.
- ECOF adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa yang berdasarkan kepada penanda aras Kos Dana (COF), Kecairan, Kos Pengurusan dan Operasi CBP ditambah kos Keperluan Rizab Berkanun (SRR) yang dikenakan oleh Bank Negara Malaysia.
- Atas faktor perubahan Kos Dana dan Keperluan Rizab Berkanun. Perubahan dalam Kos Dana boleh berlaku disebabkan oleh perubahan pada Kadar Dasar Semalam (Overnight Policy Rate) seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia, dan juga faktor-faktor lain seperti keadaan pendanaan pasaran disebabkan oleh persekitaran ekonomi global dan domestik.
- Trend ECOF:



6. Apakah fi dan caj - caj yang perlu saya bayar?

Jenis	Huraian
Duti Setem	Tertakluk pada Akta Setem 1949
Fi Wakalah	RM50 setiap pengeluaran pembiayaan (tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan).
Caj Pemprosesan	RM100.00

7. Adakah saya perlu membayar Deposit Sekuriti (DS)?

- Deposit Sekuriti yang perlu dibayar adalah sehingga DUA (2) bulan ansuran bulanan dan jumlah tersebut akan ditolak daripada pembiayaan semasa pengeluaran dibuat dan akan dikreditkan ke dalam Akaun Pembiayaan Peribadi.
- Jumlah Deposit Sekuriti akan digunakan untuk membayar jumlah tunggakan sekiranya pembiayaan mempunyai tunggakan.
- Jumlah Deposit Sekuriti perlu dikekalkan sebanyak DUA (2) bulan ansuran bulanan pada bila-bila masa.

8. Bagaimana jika saya gagal membuat bayaran pada masa yang ditetapkan?

- Pelanggan akan dikenakan Caj ganti rugi (*Ta'widh*) dan caj lewat bayar (*Gharamah*) kerana tunggakan atau bayaran lewat:

<i>Ta'widh</i> semasa tempoh pembiayaan	1% setahun ke atas jumlah bayaran ansuran bulanan tertunggak secara tidak terkompaun. CBP akan mengiktiraf caj ini dalam akaun untung rugi.
<i>Ta'widh</i> selepas tamat tempoh pembiayaan	Pada kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM) ke atas baki jumlah pembiayaan yang tertunggak secara tidak terkompaun bermula dari tarikh tamat pembiayaan sehingga tarikh penyelesaian sepenuhnya diterima oleh CBP. CBP akan mengiktiraf caj ini dalam akaun untung rugi.
<i>Ta'widh</i> selepas penghakiman diperolehi (<i>post judgment facility</i>)	Kadar yang diputuskan oleh Mahkamah atau Tribunal atau penimbang tara. Bagaimanapun, CBP hanya akan mengiktiraf dalam akaun untung rugi, caj pada kadar tidak melebihi kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM) di Bank Negara Malaysia (BNM) atau sebarang kadar lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) ke atas keseluruhan jumlah hutang tertunggak.
<i>Gharamah</i>	Pada suatu kadar yang mana kombinasi kadar Gharamah dan <i>Ta'widh</i> adalah tidak melebihi "purata kadar portfolio pembiayaan" ke atas jumlah bayaran ansuran bulanan tertunggak secara tidak terkompaun selaras dengan Garis Panduan Bank Negara Malaysia (BNM) / Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan prinsip Syariah. CBP tidak akan mengiktiraf caj ini dalam akaun untung rugi. Gharamah disalurkan ke Baitulmal yang dipilih oleh CBP.

Nota:

Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM) ditentukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa.

- Kadar yang dikenakan oleh CBP tidak mempunyai unsur kompaun ke atas baki Harga Jualan tertunggak.
- CBP boleh melalui notis bertulis kepada pelanggan, memberi peringatan kepada pelanggan untuk membuat pembayaran segera terhadap jumlah tertunggak sama ada daripada pelanggan dan/atau penjamin.

- CBP berhak menolak dana di dalam akaun pembiayaan peribadi-i Pelanggan dan/atau akaun-akaun lain Pelanggan di CBP sebagai bayaran ke atas jumlah tertunggak berlandaskan prinsip Shariah Muqassah dengan memberi notis bertulis kepada Pelanggan.

9. Bagaimana jika saya membayar sepenuhnya sebelum tarikh matangnya?

- Pihak CBP akan memberikan rebat wajib kepada pelanggan berdasarkan prinsip Syariah *Ibra'* bagi:
 - Sebarang penebusan awal / penyelesaian awal;
 - Perbezaan di antara Harga Jualan dan jumlah ansuran bulanan sebenar yang telah diselesaikan pada akhir tempoh pembiayaan.
 - Penyelesaian kontrak pembiayaan asal disebabkan oleh penyusunan semula pembiayaan.
 - Penyelesaian oleh pelanggan dalam kes kegagalan pembayaran.
 - Penyelesaian oleh pelanggan dalam kes penamatkan atau pembatalan pembiayaan sebelum tarikh matang.
- Formula pengiraan *Ibra' wajib* secara am adalah seperti berikut:

Ibra'' = Keuntungan tertangguh + Prinsipal yang belum dikeluarkan (jika ada) - Caj penyelesaian awal (jika ada)*

*Nota: *Ibra'* ialah jumlah keuntungan tertangguh belum terakru

- Formula pengiraan penyelesaian awal selepas *Ibra'* secara am adalah seperti berikut:

Amaun penyelesaian awal = Baki Harga Jualan + ansuran bayaran tertunggak + Ta'widh + Gharamah (jika ada) – Ibra'

- Untuk penyelesaian awal, jika terdapat lebihan manfaat takaful setelah ditolak dengan penyelesaian pembiayaan dan apa-apa kos yang berkaitan, bakinya akan diberikan kepada pelanggan.

10. Perlukah saya mengambil perlindungan takaful?

Ya, pelanggan bebas untuk memilih pengendali Takaful namun pelanggan dinasihat mengambil Pelan Perlindungan Takaful Kredit daripada Pengendali Takaful yang dilantik oleh CBP bagi menjamin jumlah keterutangan sekiranya berlaku kematian atau kehilangan upaya kekal ke atas Pelanggan kecuali jika diputuskan sebaliknya atas budi bicara CBP.

11. Apakah risiko yang perlu saya tanggung

- Pelanggan masih bertanggungjawab memastikan bayaran ansuran bulanan dibuat seperti yang dinyatakan dalam dokumen perjanjian walaupun Pelanggan menghadapi masalah kewangan seperti kehilangan pekerjaan atau sakit dan / atau memilih mengambil serah terima komoditi secara pegangan hakiki / fizikal.
- Jika Pelanggan mempunyai masalah untuk memenuhi kewajipan pembiayaan, sila hubungi pihak CBP dengan kadar segera untuk membincangkan tentang penjadualan semula atau penstruktur pembiayaan atau kaedah pembayaran alternatif.
- CBP berhak mengambil tindakan undang-undang ke atas pelanggan dan penjamin (sekiranya ada) dan segala kos ditanggung oleh pelanggan.

12. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Sekiranya diperlukan, pelanggan perlu mengemukakan penjamin, manakala cagaran tidak diperlukan untuk pembiayaan ini.

13. Apakah yang perlu lakukan jika berlaku sebarang perubahan pada maklumat peribadi saya?

- Anda perlu menghubungi CBP dengan kadar segera jika terdapat perubahan terhadap maklumat peribadi anda bagi memastikan sebarang komunikasi dan surat-menyurat dapat dihantar tepat pada masanya.
- Sila hubungi Pusat Panggilan di talian [1-300-88-7650](tel:1-300-88-7650) atau kunjungi mana-mana cawangan CBP untuk mengemaskinikan maklumat peribadi dari semasa ke semasa.

14. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai produk ini?

Sekiranya Pelanggan memerlukan maklumat lanjut sila rujuk risalah produk atau layari www.cbp.com.my.

15. Sebarang cadangan, pertanyaan atau aduan boleh disalurkan ke:

- Untuk sebarang cadangan, pertanyaan atau aduan sila hubungi kami di:
Pusat Panggilan CBP : 1-300-88-7650
WhatsApp : 019-7567650
Hari Operasi : Isnin hingga Jumaat
Waktu Operasi : 8:30 pagi hingga 5.30 petang
Alamat : **Seksyen Khidmat Pelanggan**
Wisma Co-opbank Pertama,
No.115, Jalan Raja Muda Abdul Aziz,
Kampung Bharu, 50300 Kuala Lumpur
E-mel : info@cbp.com.my
- Sekiranya CBP tidak dapat menyelesaikan aduan tersebut, pelanggan boleh merujuk selanjutnya kepada:
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan
Tingkat 6, Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan, Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur
Tel: 03-2083 4300; Faks: 03-2083 4100
Sistem Aplikasi Dalam Talian Aduan Koperasi = <https://aduan.skm.gov.my>

16. Lain-lain produk pembiayaan peribadi yang ditawarkan?

Pembiayaan Peribadi-i Lestari (Kadar Tetap)

NOTA PENTING!

- TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIKENAKAN JIKA PELANGGAN TIDAK MELUNASKAN PEMBIAYAAN.**
- LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK TELAH DIBACA, DIFAHAMI & DIPERSETUJUI OLEH PELANGGAN DAN MESTILAH DITANDATANGANI OLEH PELANGGAN.**

Penafian: Terma dan syarat di dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah tentatif / petunjuk sahaja dan tidak mengikat pihak CBP. Terma dan syarat yang terakhir adalah seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran dan Perjanjian Kemudahan selepas penilaian kredit dan kelulusan. Penyampaian Lembaran Pendedahan Produk ini kepada anda tidak mewujudkan sebarang kewajipan oleh CBP untuk memberi anda apa-apa kemudahan.

PENGESAHAN PELANGGAN

Saya dengan ini memperakarkan telah menerima, membaca dan memahami penjelasan yang diberikan melalui Lembaran Pendedahan Produk ini serta **Terma & Syarat Produk** yang terkandung di laman www.cbp.com.my.

.....

Nama Pelanggan:

No. Kad Pengenalan:

Tarikh: